

12 MAR 1996

Agong - Sweden

PERDAGANGAN M'SIA-SWEDEN MAMPU BERKEMBANG

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar bertitah walaupun Sweden adalah rakan perdagangan terbesar Malaysia di kalangan negara-negara Scandinavia, masih terdapat ruang untuk mempertingkatkan perdagangan antara kedua-dua negara.

"Walaupun perdagangan kita kecil, masih terdapat skop untuk memperluaskannya," titah Seri Paduka Baginda pada jamuan negara untuk Raja Carl Gustaf dan Permaisuri Silvia dari Sweden di Parlimen di sini malam ini.

Pasangan diraja itu tiba hari ini untuk lawatan lima hari.

Menurut Yang di-Pertuan Agong, usahawan industri Sweden boleh membentuk perkongsian strategik dengan rakan mereka di Malaysia untuk sama-sama merebut peluang ekonomi di rantau Asia Tenggara dan Asia Pasifik.

Hubungan antara Malaysia dan Sweden semakin meningkat terutama selepas pembukaan kedutaan Malaysia di Stockholm pada 1986.

"Meskipun jaraknya jauh, Sweden bukanlah asing kepada Malaysia dengan kehadiran banyak barangan Sweden di negara ini," titah Seri Paduka Baginda.

Tuanku Ja'afar berharap bahawa lambat laun, barangan Malaysia pula dapat mempengaruhi corak hidup rakyat Sweden.

Malaysia menikmati pelbagai faedah daripada bantuan teknikal dan program latihan Sweden, meliputi pentadbiran tanah hinggalah kepada telekomunikasi dan pengendalian mesin.

Tuanku Ja'afar juga bertitah perlantikan bekas Perdana Menteri Sweden Carl Bildt sebagai perantara Kesatuan Eropah dan kemudian Wakil Tertinggi untuk pelaksanaan keamanan di Bosnia Herzegovina merupakan satu keyakinan antarabangsa terhadap kemahiran Sweden untuk tugas sedemikian.

Dalam ucapannya Raja Gustaf bertitah kerjasama antara negaranya dan Malaysia telahpun merangkumi banyak bidang terutama perdagangan yang menyumbang bahagian penting dalam hubungan duahala.

Baginda berkata usahawan dari kedua-dua negara perlu bekerjasama dan membantu dalam memindahkan teknologi antara kedua-dua pihak.

Memandangkan kedua-dua negara bergantung kepada pelaburan asing untuk terus berkembang, ia adalah untuk faedah kedua-dua pihak memberi sokongan kepada Pertubuhan Perdagangan Sedunia dan dasar perdagangan liberal, titah baginda.

Raja Gustaf memuji Malaysia kerana memainkan peranan aktif di peringkat antarabangsa menerusi sumbangan bersungguh-sungguhnya kepada Bangsa-bangsa Bersatu dan usahanya untuk menjayakan Mesyuarat Asia-Eropah di Bangkok baru-baru ini.

Jamuan itu juga dihadiri oleh Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA

MAM CR